

# **SANAD TAREKAT: SEJAUH MANA SANDARANNYA KEPADA AMALAN PARA SAHABAT<sup>1</sup>**

Oleh

**PROFESOR DATO' ZAKARIA STAPA**

**Sarjana Tamu**, Institut Islam Hadhari,

Universiti Kebangsaan Malaysia, dan

**Profesor Pelawat**, Pusat Pengajian Teras, Kolej

Universiti Islam Anatabangsa Selangor

## **1. PENDAHULUAN**

Dalam kehidupan semasa, adalah boleh diperhatikan dengan baik bahawa institusi Tarekat Tasawuf banyak menimbulkan persoalan dalam kalangan masyarakat awam di Malaysia. Kerap dipersoalkan apakah sesbuah tarekat itu benar dan selari dengan syariat Islam, atau ia sesuatu yang menyeleweng dan tergolong ke dalam ajaran sesat yang sememangnya muncul dari semasa ke semasa di tengah-tengah kehidupan masyarakat. Keadaan ini timbul disebabkan, paling kurangnya, oleh tiga faktor berikut (Zakaria 2012; Nordi 2012):

- Masyarakat pada umumnya kurang faham selok belok ilmu Tasawuf dan Tarekat
- Tarekat kerap dipalitkan dengan ajaran sesat yang sememangnya dipromosikan menerusi pendekatan kerohanian dan sebahagiannya menggunakan istilah-istilah yang diguna pakai dalam ilmu Tasawuf dan Tarekat.
- Terdapat dalam masyarakat Muslim di Malaysia masa kini golongan orang yang berkerja keras, menerusi penulisan buku serta ceramah di sana sini, untuk menegakkan teori bahawa ilmu Tasawuf dan Tarekat bukan tergolong dalam ilmu Islam, malahan ia merupakan ilmu yang dipenuhi dengan unsur syirik, khurafat, tayahul dan kebohongan. Hal ini terungkap dengan jelas dalam tulisan Rasul Dahari *Bahaya Tarekat Sufi/Tasawuf Terhadap Masyarakat*: “Sufi/Tasawuf bukanlah juadah yang sesuai dan sempurna untuk membentuk akidah dan rohani yang sihat, kerana kandungan makanan sufi/Tasawuf banyak mengandungi virus kesyirikan, khurafat, tayahul, kebohongan dan kegoblokhan”

Oleh itu, dengan wujudnya faktor-faktor di atas, adalah amat munasabah kalangan ahli masyarakat Muslim di Malaysia menjadi curiga dan menimbulkan persoalan-persoalan tertentu berkait dengan ilmu Tasawuf dan Tarekat. Mereka pastinya tidak mahu terperangkap dan terjerumus ke dalam kancang ajaran sesat yang akan menghancurkan masa depan dunia akhirat mereka. Di samping mereka juga, disebabkan oleh kurang faham, menjadi keliru dan berada

---

<sup>1</sup> Kertas yang dibentangkan dalam Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan 2016, anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Mufti Negeri Melaka, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), pada 18 Ogos, 2016 bertempat di Auditorium Masjid al-Azim, Melaka.

dalam keadaan kurang pasti apabila ada pula pihak yang mendakylahkan bahawa ilmu Tasawuf dan Tarekat adalah bukan daripada ajaran Islam.

Dalam senario sedemikian, bersama dengan kehidupan semasa yang segenap aspek kehidupan ummah dikuasai oleh unsur materialisme, ummah pastinya berhajat benar untuk mendapatkan pencerahan yang tepat mengenai ilmu dan amalan yang boleh memperkuuh banteng kerohanian mereka dalam menghadapi gelombang kebendaan dalam kehidupan harian mereka. Gelombang hidup kebendaan yang menyediakan persaingan tanpa etika berbekalkan falsafah siapa cepat dia dapat dan hanya mengiktiraf bahawa segala yang unggul dan cemerlang adalah merujuk kepada benda belaka, adalah sebenarnya tidak selaras dengan tabii manusia itu sendiri yang juga memiliki roh. Dan apabila mereka, pada ketika-ketika tertentu, tidak berjaya memperolehi benda yang dikehendaki dengan sepenuh kudrat akan menyebabkan mereka terperangkap dalam kegelisahan dan ketidak-tenangan. Di sinilah mereka memerlukan kekuatan kerohanian bagi menjamin kehidupan mereka tidak menjadi punah ranah, tetapi sebaliknya dapat diseimbangkan.

Dalam konteks tawaran yang ditawarkan oleh ajaran Islam, kekuatan kerohanian tersebut akan diperolehi dalam ajaran dan amalan Tasawuf dan Tarekat; dengan syarat ajaran dan amalannya adalah autentik dan tidak menyeleweng. Maka di sinilah amat perlunya ajaran dan amalan Tasawuf dan Tarekat itu diselidik dengan mendalam dan diberikan pengesahan kesahihannya daripada perspektif ajaran Islam, sehingga ia boleh dicadangkan supaya difahami dan diamalkan oleh kalangan ummah bagi mendapatkan bekal kekuatan kerohanian dalam menghadapi cabaran gelombang kehidupan harian, terutama dalam tempoh masa kini yang segenap sektor kehidupan didominasi oleh unsur kebendaan.

Kemudian, sehubungan dengan mauduk tulisan ini juga ternyata ia berupa satu persoalan yang cuba mendapatkan pencerahan tentang apakah persoalan *sanad* atau *silsilah* Tarekat benar-benar berasal daripada, atau boleh dirujuk kepada, amalan atau praktis para Sahabat Rasulullah SAW atau tidak. Persoalan ini mencerminkan wujudnya semacam keraguan masyarakat tentang *sanad* atau *silsilah* yang diberikan tugas penting oleh institusi Tarekat untuk menentukan sama ada sesebuah tarekat itu betul atau menyeleweng. Oleh itu, persoalan yang diajukan dalam mauduk tulisan ini merupakan satu persoalan yang cukup asas yang boleh menjadi satu gugatan terhadap autentisiti institusi Tarekat itu sendiri. Dalam lain perkataan, ini bermakna bahawa seandainya ia tidak dapat bertahan untuk mempertahankan kebenarannya, maka dengan sendirinya institusi Tarekat akan runtuh dan menjadi, sama sekali, tidak relevan dengan ajaran Islam. Ini kerana, terutamanya, *sanad* atau *silsilah* itu adalah alat untuk mengukur betul atau batilnya sesebuah tarekat. Maknanya, kalau *sanad* atau *silsilah* itu sendiri sudah batil misalnya, bagaimana nanti ia boleh dijadikan alat pengukur untuk mengukur betul atau batilnya sesebuah institusi Tarekat Tasawuf.

Di tengah-tengah di antara keraguan ummah di satu pihak, dan keperluan ummah terhadap institusi Tarekat Tasawuf di pihak yang lain, seperti yang digambarkan di atas, maka terselaluh betapa peri pentingnya penyelidikan yang teliti dalam bidang ini, sehingga dapat

suatu kepastian tentang ketulenan dan keabsahannya; di samping secara sekali gus juga pentingnya masyarakat didedahkan secukupnya tentang selok belok ilmu Tasawuf dan Tarekat supaya mereka tidak mudah terpengaruh dan terperangkap dengan dakyah-dakyah yang boleh merugikan ummah. Menerusi usaha-usaha tersebut kehidupan kerohanian ummah akan dapat subur dan berkembang dengan baik dan dapat menawarkan kesejahteraan hidup ummah dunia dan akhirat.

## 2. DEFINISI TAREKAT DAN SANAD TAREKAT

### 2.1 Definisi Tarekat

Dari aspek etimologi, perkataan “tarekat” merujuk kepada pengertian “jalan”--iaitu sama dengan pengertian yang dikandungi oleh perkataan-perkataan “*shari’ah*”, “*sabil*”, “*sirat*” serta “*manhaj*”. Kesemuanya, dalam konteks ini, dirujuk kepada pengertian “jalan menuju kepada Allah SWT untuk maksud mendapatkan keredaan-Nya dengan cara mentaati semua ajaran-Nya” (Nurcholish 1995). Namun, daripada perspektif teknikal, pada asasnya istilah tarekat merujuk kepada sirah atau jalan kerohanian khusus yang dilalui oleh golongan orang yang berjalan (*al-salikun*) menuju kepada Allah SWT, di mana dalam perjalanan tersebut mereka perlu merentasi pelbagai rintangan dan mengalami pelbagai peningkatan kerohanian dalam pelbagai *maqam* (al-Jurjani 1938). Ini bermakna bahawa “amalan” yang perlu dilaksanakan bagi beroleh kejayaan dalam mencapai ilmu Tasawuf itu diolah dan diusahakan dengan penuh kesungguhan dalam lingkungan tarekat. Maka itu, tarekat dalam hubungan ini, merupakan *wasilah* yang disediakan oleh tradisi Islam bagi mencapai matlamat yang terkandung dalam ilmu Tasawuf, lalu di sinilah terjalinnya hubungan di antara Tasawuf dan Tarekat; iaitu suatu hubungan erat di antara *wasilah* di satu pihak dengan *ghayah* di pihak yang lain.

Dalam konteks pembicaraan ini adalah perlu dicatatkan bahawa, sesuai dengan taraf dan fungsinya sebagai laluan penyaluran kepada "amalam-amalan" yang akan menentukan pencapaian ilmu dan penguasaan akhlak yang menjadi isi kandungan kepada ilmu Tasawuf, maka tarekat itu diasas dan dikembangkan oleh masyarakat Muslim dalam tamadun mereka menjadi suatu institusi khusus dengan diberikan ciri, kaedah dan peraturan yang tersendiri. Maka itu, daripada perspektif ia sebagai satu institusi khusus tersebut, tarekat perlu difahami sebagai himpunan sejumlah pegangan, tingkah laku serta adab yang diasas dan ditetapkan oleh kumpulan sufi; atau secara yang lebih teknikal lagi istilah ini merujuk kepada kaedah memberi panduan dan tunjuk ajar akhlak dan kejiwaan yang digunakan oleh seseorang *shaykh* dalam usaha mendidik para muridnya (al-Taftazani 1969). Dan dalam konteks ini akan boleh ditemui kumpulan-kumpulan para murid yang mula berhimpun mengelilingi seseorang *shaykh* yang terkenal untuk mendapat tunjuk ajar dan latihan; lalu dengan itu menjadi mucnul pula suatu bentuk persaudaraan kesufian (*sufi brotherhood*) dalam kalangan mereka (Trimingham 1973 ; Nurcholish 1995).

Jadi, secara keseluruhannya, istilah tarekat dalam konteks ia sebagai suatu institusi khusus tersebut bolehlah dirujukkan kepada cara, kaedah atau peraturan-peraturan khusus yang diikuti dan dihayati kehendak-kehendaknya oleh seseorang murid di bawah naungan satu kumpulan kesufian yang mengikuti panduan daripada seseorang *shaykh* terkemuka. Atau istilah ini juga boleh dirujukkan kepada kumpulan individu dari kalangan para murid yang menggabungkan diri mereka dengan seseorang *shaykh* tertentu dan tunduk patuh kepada peraturan-peraturan yang cukup ketat dalam hubungan dengan *suluk* kerohanian (Zakaria 1995).

## 2.2 Definisi *Sanad* Tarekat

Dalam tradisi ilmu Taswuf dan Tarekat, istilah *sanad* lebih kerap diungkapkan menerusi istilah *sisilah*, walaupun istilah *sanad* masih juga diguna pakai (Abdul Mujieb, Ahmad Ismail dan Syafi'ah 2009). Ini ialah kerana *silsilah* memerlukan *suhbah* serta pengambilan pelbagai adab, *tarbiah* dan *irshad* yang tentunya memakan masa yang lama (al-Ghazali 2008; al-Dahlawi 1980); sedang *sanad* atau *isnad* yang diguna pakai dalam ilmu Hadith tidak semestinya memakan masa yang lama dan tidak pula memerlukan *tarbiah* dan *irshad*. Oleh itu golongan sufi lebih kerap menggunakan istilah *silsilah* berbanding dengan istilah *sanad* atau *isnad*.

Konsep atau istilah ini cukup utama dan amat perlu difahami dalam hubungan dengan institusi Tarekat Tasawuf. Konsep ini sebenarnya terhubung secara amat rapat dengan *shaykh*, kerana itu konsep ini juga kadang-kadang disebut sebagai *silsilah shaykh*. Pada dasarnya, oleh kerana institusi Tarekat Tasawuf mengaku bahawa dasar-dasar doktrin dan pengamalan sesebuah tarekat itu berasal daripada Rasulullah SAW sendiri, maka para pengamal sesebuah tarekat menganggap maha penting sekali urut-urutan nama para *mashayikh* atau guru yang telah mengajar dan mengamalkan dasar-dasar tarekat itu secara turun temurun. Garis para *mashayikh* atau keguruan yang turun temurun dari satu generasi ke satu generasi itulah yang dinamakan sebagai *silsilah* atau *sanad* (Bruinessen 1992).

Oleh itu, setiap seorang *shaykh* yang memimpin sesebuah tarekat dengan penuh hati-hati menjaga *silsilah* atau *sanad* yang boleh menunjuk dan membuktikan siapakah *shaykhnya* dan siapa pula para *mashayikh* sebelum dia, turun temurun sampai kepada Rasulullah SAW, kerana ini boleh menjadi perakuan tentang kesahihan tarekat yang dipimpinnya. Maka itu, secara praktikalnya dapat dijelaskan bahawa *silsilah* itu bagaikan catatan senarai nama para *mashayikh* sampai kepada Rasulullah SAW yang boleh menjadi asas pengesahan seseorang *shaykh* serta boleh menunjukkan ke cabang tarekat mana dia termasuk dan bagaimana hubungannya dengan para *mashayikh* tarekat lain. Secara umumnya juga *silsilah* seseorang *shaykh* yang hidup di abad ini biasanya tercantum antara 30 hingga 40 nama para *mashayikh* yang secara idealnya, setiap *shaykh* yang tercantum dalam rantaian *silsilah* ini mestilah merupakan murid langsung kepada *shaykh* yang sebelumnya, turun temurun sampai kepada Rasulullah SAW.

### 3. KEPENTINGAN SANAD ATAU *SILSILAH* TAREKAT

Di samping itu, daripada sudut lain konsep *silsilah* atau *sanad* ini juga mempunyai kaitan rapat pula dengan satu lagi konsep lain yang dikenali sebagai *al-barakah* atau keberkatan. Menurut perspektif golongan sufi *al-barakah* merupakan syarat yang cukup asas dalam institusi Tarekat. *Al-barakah* ini dalam peristilahan golongan sufi dikenali juga sebagai "kesan rohani" (Mahmud 1972). Dalam pandangan golongan sufi, *al-barakah* atau "kesan rohani" ini tidak akan diperolehi oleh murid yang menjalani program latihan dalam sesebuah tarekat melainkan melalui *shaykh* yang *murshid* yang mempunyai syarat yang cukup untuk memainkan peranan sebagai *shaykh* di dalam sesebuah tarekat tertentu. *Shaykh* yang *murshid* itu, menurut golongan sufi lagi, pada dasarnya menerima atau mewarisi keberkatan (*al-barakah*) dari Rasulullah SAW melalui para *mashayikh* yang sebelumnya, yang setiap seorang daripada mereka itu telah mengizinkan kepada murid yang mempunyai persediaan yang cukup untuk menjadi pengganti dan penyambung fungsi *shaykh* bagi meneruskan tradisi perjalanan sesebuah tarekat. Jadi, dalam pandangan golongan sufi sebagai yang dihuraikan di sini, secara koseptualnya para *mashayikh* adalah berfungsi sebagai rantai-rantai pemindah dan penyambung keberkatan Rasulullah SAW tanpa sebarang pemutusan. Perpindahan *barakah* dari seorang *shaykh* kepada seorang *shaykh* yang lain, sambung bersambung tanpa terputus itulah lahirnya apa yang diistilahkan sebagai *silsilah* (Zakaria 1989).

Oleh kerana golongan sufi melihat begitu pentingnya "kesan rohani" atau *al-barakah* ini dalam institusi Tarekat Tasawuf, maka *silsilah* telah dijadikan salah satu syaratnya yang cukup asas dan amat penting sekali. Setiap seorang yang mempunyai persediaan rohani untuk menjalani hidup secara bertasawuf, menurut pandangan golongan sufi, perlulah mengambil atau memasuki sesebuah tarekat yang mempunyai *shaykh* yang memiliki *silsilah* yang sah. Dalam kata lain, seseorang *shaykh* tarekat yang menjadi pilihan untuk diikuti itu mestilah mempunyai *silsilah* yang sah sambung bersambung sampai kepada Rasulullah s.a.w.

Kemudian, berdasarkan penjelasan di atas, turutan yang tidak dapat dipisahkan dengan konsep-konsep utama dalam institusi tarekat yang telah dibicarakan sebelum ini, khususnya konsep *shaykh* dan *silsilah*, ialah satu lagi konsep lain yang diistilahkan sebagai *al-idhn* atau keizinan. Konsep ini bermakna bahawa seseorang *shaykh* masa kini bagi sesebuah tarekat mestilah mendapat izin daripada *shaykhnya* untuk menyebar, mengajar, mentarbiyah ilmu Tarekat kepada orang lain. Dalam konteks ini, perspektif sufi menjelaskan bahawa seseorang murid yang misalnya sudah selangkapnya ditarbiyah oleh seseorang *shaykh*, tetapi masih belum mendapat keizinan daripada *shaykhnya* itu untuk mentarbiyah orang lain, maka dia tidaklah boleh menjadi *shaykh*. Sekiranya terdapat seseorang murid yang bertindak sendiri dan memandai-mandai barlagak menjadi *shaykh* tanpa izin daripada *shaykhnya*, perspektif sufi melihat murid berkenaan sedang berdepan dengan bahaya besar untuk disesat dan diselewengkan oleh agen-agen syaitan (Jahid 1997). Malahan *shaykh* tanpa izin ini sebenarnya

sudah ketiadaan atau kehilangan *al-barakah* kerana *silsilahnya* sudah terputus disebab dia melaksanakan tugas *mentarbiah* tanpa izin *shaykh*.

Penjelasan di atas menunjukkan dengan jelas betapa pentingnya *silsilah* atau *sanad* dalam perjalanan dan kejayaan sesebuah tarekat dalam proses *pentabiahahan* kalangan murid. Penjelasan di atas juga memberi kefahaman bahawa dalam proses penyelidikan terhadap institusi Tarekat Tasawuf, para penyelidik tidak boleh membuat generalisasi secara mudah, malahan mereka perlu membuat kajian terhadap setiap satu institusi tarekat yang muncul untuk menentukan kebenaran atau kebatilan sesebuah tarekat berkenaan. Para penyelidik misalnya tidak boleh membuat kesimpulan bahawa sesebuah tarekat yang berada di satu-satu tempat sebagai, sama ada, betul atau salah dengan hanya disebabkan oleh kesamaan nama tarekat pada tempat yang berbeza yang penyelidik telah melakukan penyelidikan yang mendalam terhadap tarekat tersebut. Kesamaan nama sesebuah tarekat tidak boleh menjadi alasan untuk menyamakan salah atau betulnya tarekat tersebut. Hal ini menjadi demikian kerana ada kemungkinan persoalan “tanpa izin” *shaykh* boleh berlaku kepada sesebuah tarekat yang muncul di satu tempat tertentu yang sama namanya, tetapi tidak berlaku pada tarekat lain yang sama namanya yang ada di tempat lain yang mungkin sudah dibuat kajian mendalam tentang selok beloknya.

Seterusnya, dalam konteks institusi Tarekat, adalah boleh diungkapkan bahawa hubungan di antara *silsilah* dan keizinan merupakan suatu hubungan yang bersifat tabii, kerana tanpa keizinan bererti tidak ada *silsilah*, atau terputusnya rantai persambungan *al-barakah* daripada seorang *shaykh* kepada *shaykh* yang sebelumnya sambung bersambung sampai kepada Rasulullah SAW. Juga boleh diperihalkan dalam hubungan ini bahawa sekiranya *silsilah* merupakan syarat yang lahir, maka "keizinan" merupakan syarat yang bersifat batin. Seseorang mungkin saja mengaku-aku diri sebagai seorang *shaykh* dengan mengemukakan syarat *silsilah* yang lengkap bertulis secara tipu atau palsu, tetapi seseorang itu tidak mempunyai kemungkinan untuk memalsukan atau menipu syarat "keizinan". Sesiapa pun juga yang cuba mengambil tugas seorang *shaykh* tanpa memiliki syarat-syarat asas yang tersebut di sini, maka lambat laun pasti akan ternyata bukti penyelewengan dan penyesatannya (Zakaria 1989).

Kelihatannya *al-silsilah* dan *al-idhn* merupakan dua perkara yang perlu diselidik secara teliti dan mendalam bagi menentukan kebenaran sesebuah tarekat tasawuf. Tanpa penyelidikan perkara ini agak sukar untuk ditentukan dan pengamal atau pengikut sesebuah tarekat tentunya tidak dapat mengelak daripada terdedah kepada bahaya penyelewengan.

Berdasarkan catatan-catatan sebelum ini, jelas bahawa dalam institusi Tarekat Tasawuf *shaykh* cukup penting dan cukup luas kuasanya. Namun untuk mengimbangi kepentingan dan keluasan kuasa tersebut, agar ia tidak disalah gunakan, maka golongan sufi meletakkan pelbagai syarat dan adab yang cukup ketat yang mesti dimiliki oleh seseorang *shaykh* di satu pihak, dan mesti dipatuhi secara tepat di pihak yang lain.

Adalah jelas bahawa perjalanan institusi Tarekat Tasawuf akan berdepan dengan pelbagai bentuk kepincangan--dan malahan akan berdepan dengan kegagalan—seandainya ada pihak, khususnya pihak *shaykh*, tidak mematuhi adab dan tidak mencukupi syarat. Maka di sinilah pentingnya kedudukan syarat dan adab *shaykh*—di mana salah satu syarat utamanya ialah memiliki *sanad* atau *silsilah* yang betul--dalam institusi Tarekat Tasawuf. Kepentingannya berkait langsung dengan perkara yang cukup asas, iaitu berjaya atau gagalnya perjalanan sesebuah tarekat itu sendiri.

#### **4. SANAD TAREKAT DAN SANDARAN KEPADA AMALAN SAHABAT**

Sebelum berbicara lebih lanjut tentang *sanad* tarekat, adalah amat perlu difahami bahawa para pemuka dan *shaykh* sufi begitu teliti dan amat ketat perincian mereka dalam mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW. Contoh klasik dalam hubungan ini ialah apa yang berlaku di antara Abu Yazid al-Bistami dengan seorang yang sudah terkenal dengan kewalian. Abu Yazid tidak boleh menerima kewalian orang tersebut hanya disebabkan perbuatan meludah ke arah kiblat. Dalam hal ini Abu Yazid berkata: “Lelaki ini tidak boleh dipercayai berkaitan dengan salah satu adab daripada pelbagai adab Rasulullah SAW, bagaimana dia boleh untuk dipercayai terhadap apa yang didakwanya berhubung dengan pelbagai *maqam* para wali dan golongan *Siddiqin*” (al-Sarraj 2007).

Adalah jelas terisyarat daripada perihal penilaian al-Bistami di atas betapa golongan sufi dalam pelbagai amalan yang mereka amalkan amat ingin menapak sedekat mungkin jejak yang dilalui dan ditinggalkan oleh Rasulullah SAW dan tentunya juga jejak para Sahabat Baginda. Golongan sufi begitu teliti dan begitu kuat memegang amanah ilmu mereka yang tabiinya bersifat dua hala sahaja, iaitu Allah SWT di satu pihak dan sufi yang terlibat di pihak yang lain. Oleh itu, seandainya seseorang yang dikatakan sufi itu tidak boleh dipercayai dan tidak amanah dengan ilmu mereka, maka tentu sekali dia boleh mendakwa apa sahaja, kerana yang tahu benar-tidaknya isi kandungan apa yang didakwanya hanyalah dia dan Allah SWT sahaja. Sekiranya hal-hal tidak amanah sebegini dibenarkan dan diberi laluan, khususnya oleh para tokoh utama sufi, tentu sekali autentisiti tradisi ilmu Tasawuf akan hancur dan tidak boleh bertahan dalam peroses perjalanan tamadun ummah.

Bertolak daripada sikap dan kemahuan tinggi golongan sufi untuk mencontohi dan menjajak serapat mungkin jejak yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW sebagai satu latar belakang, maka perihal sandaran *sanad* tarekat sudah boleh diketehgahkan. Pada dasarnya, golongan sufi menghujahkan bahawa segala doktrin dan amalan yang mereka ajar, amal dan kembangkan dalam disiplin ilmu mereka dari masa ke semasa adalah berpaksikan apa yang bersumberkan daripada Rasulullah SAW dan seterusnya diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi para pengamal ilmu Tasawuf dan Tarekat. Tentunya dalam proses penurunan ini melibatkan para Sahabat RA yang merupakan generasi pertama bersama Rasulullah SAW. Justeru itu, untuk melihat dan meninjau sejauh mana golongan sufi bersanadkan amalan para

Sahabat RA dalam amalan-amalan utama yang mereka amalkan dalam disiplin ilmu mereka, maka perkara ini bolehlah diperhatikan dalam sejumlah amalan utama para sufi seperti berikut:

- *Sanad al-talqin* golongan sufi
- Perihal Nabi SAW adalah *shaykh* dan para Sahabat RA adalah murid
- Konsep *bay'ah* dalam Tarekat Tasawuf.
- Konsep *suhbah* dalam Tarekat Tasawuf.

#### **4.1 Sanad al-Talqin Golongan Sufi**

Secara umumnya adalah diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah mengajarkan teknik-teknik zikir kepada para Sahabat RA sesuai dengan pembawaan mereka (Bruinessen 1992). Namun, secara yang lebih khusus, menurut al-Sha'rani (1988) seperti yang dicatatkan dalam kitab beliau *al-Anwar al-Qudsiyyah fi Ma'rifah al-Qawa'id al-Sufiyyah* amalan *talqin* zikir, penjelasan tentang adab-adab zikir, kehebatan zikir serta penjelasan tentang pelbagai faedah yang berkaitan dengan zikir yang diajarkan oleh para *shaikh* kepada para murid mereka adalah bersumberkan praktis *pentalqinan* Rasulullah SAW kepada para Sahabat RA sama ada secara berkumpulan atau secara perseorangan. Kemudian *silsilah* atau *sanad* tersebut bersambung dalam kalangan mereka.

Al-Sha'rani memperkuatkannya pernyataan beliau seperti di atas dengan membawa Hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad, al-Bazzar, al-Tabrani dan lain-lain dengan *sanad hasan* yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW pada suatu hari berkumpul bersama para Sahabat Baginda sambil bersabda: “Apakah ada dalam kalangan kamu di sini orang asing, iaitu golongan Ahli al-Kitab”. Para Sahabat berkata: “Tidak ada wahai Rasulullah”. Maka Rasulullah SAW meminta supaya ditutup pintu, sambil Baginda bersabda: “Angkatlah tangan kamu semua dan hendaklah kamu mengucapkan: *La ilaha illa Allah*. Shadad bin Aus berkata: Maka kami pun mengangkat tangan kami sekutika, lalu kamu mengucapkan: *La ilaha illa Allah*. Setelah itu Rasulullah SAW bersabda: “Ya Allah, sesungguhnya Engkau telah mengutusku dengan membawa kalimah ini, Engkau memeritahku dengan kalimah ini, Engkau telah menjanjikan aku syurga dengan kalimah ini, dan sesungguhnya Engkau tidak akan memungkiri janji”. Kemudian Rasulullah SAW bersabda: “Tidakkah kamu semua berasa gembira, sesungguhnya Allah SWT telah mengampuni kamu semua” (al-Sha'rani 1988).

Hadith di atas merupakan dalil yang diguna pakai oleh para *shaikh* tarekat dalam praktis mereka *mentalqinkan* zikir kepada para murid secara beramai-ramai dalam kumpulan. Adapun *talqin* zikir secara perseorangan, maka ia, menurut al-Sha'rani lagi, diasaskan kepada satu riwayat yang didiriwayatkan oleh Sayyidi Yusuf al-'Ajami dalam risalah tulisan beliau dengan *sanad al-muttasil* daripada 'Ali bin Abi Talib RA yang berkata: Aku telah berkata, wahai Rasulullah SAW, tunjukkan aku jalan (cara) yang paling dekat (untuk sampai) kepada Allah SWT dan paling mudah untuk dilaksanakan oleh para hamba serta paling utama di sisi Allah SWT. Maka Rasulullah SAW bersabda: “Wahai 'Ali, hendaklah kamu sentiasa berterusan berzikir kepada Allah SWT, sama ada secara perlahan atau secara kuat. Lalu 'Ali RA

menjawab: Setiap orang boleh berzikir wahai Rasulullah SAW, tetapi apa yang aku inginkan ialah suatu yang khusus untukku. Lalu Rasulullah SAW pun bersabda: “Jangan begitu, wahai ‘Ali. Sebaik-baik apa yang aku dan para nabi AS sebelum aku ucapkan ialah kalimah: “*La ilaha illa Allah*” . . . . Sayyidi Yusuf al-‘Ajami (selanjutnya) berkata lagi: Kemudian ‘Ali RA meminta supaya Rasulullah SAW mentalqinkan beliau dengan mengatakan: Bagaimana sewajarnya aku berzikir. Maka Rasulullah SAW pun bersabda: “ Pejamkan kedua matamu dan dengarkan daripadaku tiga kali, kemudian kamu ucapkan *La ilaha illa Allah* tiga kali, sementara aku mendengarkan ucapanmu”. Lalu Rasulullah SAW mengucapkan *La ilaha illa Allah* sebanyak tiga kali dengan memejamkan kedua-dua mata dan mengangkat suara Baginda SAW, sementara ‘Ali RA ketika itu mendengarnya. Setelah itu ‘Ali Ra pula mengucapkan *La ilaha illa Allah* sebanyak tiga kali dengan memejamkan mata dan mengangkat suara beliau, sedang Rasulullah SAW mendengarnya pula (al-Sha’rani 1988).

Beginilah bentuk *talqin* zikir yang diajarkan oleh Rasulullah SAW secara berseorangan, dengan diajarkan sekali teknik pengamalannya kepada Sayyidini ‘Ali RA. Adalah jelas bahawa teknik zikir yang diajarkan kepada ‘Ali RA ini adalah dalam bentuk zikir yang mengangkat suara, iaitu secara kuat. Adapun teknik zikir secara perlahan atau tidak mengangkat suara pula ialah apa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW kepada Abu Bakr RA semasa kedua-duanya singgah bersembunyi dalam Gua Thur dalam perjalanan hijrah mereka ke Madinah. Oleh kerana mereka berdua dikepung musuh ketika itu dan tidak boleh bercakap dengan mengangkat suara, bimbangkan persembuyian mereka diketahui musuh, lalu Rasulullah SAW mengajarkan zikir secara perlahan kepada Sayyidina Abu Bakr RA (Bruinessen 1992). Dan dalam tradisi Tarekat Tasawuf *silsilah* atau *sanad* yang turun daripada Rasulullah SAW ke pelbagai generasi ummah turun temurun dari masa ke semasa adalah turun menerusi dua tokoh Sahabat RA yang utama ini, iaitu ‘Ali atau Abu Bakr yang menerima secara langsung daripad Rasulullah SAW.

Dalam konteks *sanad* yang turun menerusi ‘Ali RA, terdapat pandangan daripada golongan al-Muhaddithin yang mempertikaikan perihal apakah al-Hasan al-Basri, seorang Tabi’in, bertemu dan berkumpul dengan ‘Ali dan mengambil *talqin* zikir daripada beliau. Namun, sebagaimana yang dicatatkan oleh al-Sha’rani dalam *al-Anwar al-Qudsiyah* bahawa apa yang sebenarnya al-Hasan al-Basri sempat berkumpul dengan ‘Ali dan mengambil *talqin* zikir daripadanya, dan sempat pula ‘Ali memakaikan *khirqah* kepadanya (al-Sha’rani 1988). Malahan, terdapat catatan berlakunya satu dialog yang menarik di antara ‘Ali RA dan al-Hasan al Basri:

‘Ali bertanya: “Apakah punca kebesaran agama?”. Al-Hasan menjawab: “sifat warak”. ‘Ali bertanya lagi: “Apakah punca kehancuran agama”. Al-Hasan menjawab: “Sifat serakah”. Dengan itu ‘Ali mengiktiraf al-Hasan dengan berkata: “Duduklah, hamba seperti lah yang sepatutnya berbicara di hadapan ummah” (Qadir ‘Isa 2008).

Dengan itu cukup jelas dan sah bahawa al-Hasan al-Basri sempat berkumpul bersama dengan ‘Ali bin Abu Talib dan mengambil *talqin* zikir daripada beliau. Dan dengan itu juga *sanad* golongan sufi adalah sah dan persambungan *sanad* tersebut menerusi *talqin* zikir juga adalah jelas. *Talqin* zikir tidak terputus dan bersambungan daripada Nabi SAW kepada ‘Ali

bin Abu Talib. Begitu juga halnya ‘Ali mentaqinkan al-Hasan al-Basri, al-Hasan mentalqinkan Habib al-‘Ajami, Habib mentalqinkan Dawud al-Ta’i, Dawud mentalqinkan Ma’ruf al-Karkhi, Ma’ruf mentalqinkan Sari al-Saqati, Sari mentalqinkan Abu Qasim al-Junayd (al-Sha’rani 1988), dan begitulah seterusnya pentalqinan berlaku sambung bersambung *sanad* atau *silsilahnya* tanpa putus dari satu generasi ke satu generasi sampailah ke hari ini.

Jadi, perihal *sanad* tarekat yang diguna pakai dalam tradisi institusi Tarekat Tasawuf sehingga ke hari ini mempunyai sandaran kepada amalan para Sahabat adalah satu perkara yang tidak boleh diragukan. Ia adalah perkara yang boleh dijejak dari generasi ke generasi sampailah kepada Rasulullah SAW sendiri.

#### **4.2 Perihal Nabi SAW adalah *Shaikh* dan Para Sahabat RA adalah Murid**

Menurut al-Sahrawardi (1966) sebagaimana tercatat dalam kitab beliau ‘*Awarif al-Ma’arif* golongan sufi dalam hubungan adab murid dengan *shaikh* adalah mengikut tata cara hubungan di antara Nabi SAW dengan para Sahabat Baginda. Dalam kata lain, berkait dengan adab, Nabi SAW adalah bagaikan *shaikh* dan para Sahabat pula adalah bagaikan para murid dalam pelaksanaan tata cara adab perhubungan di antara mereka. Golongan sufi mengambil teladan adab hubungan para Sahabat dengan Nabi SAW, dan mereka menguna pakai adab-adab tersebut dalam hubungan mereka degan para murid mereka. Malahan, dalam skop yang sedikit lebih luas adalah boleh dijelaskan bahawa golongan sufi meyakini tugas dan fungsi *shaykh murshid* di hadapan para murid atau *salik* adalah menyerupai Rasulullah SAW di hadapan para Sahabat Baginda. Jika para Sahabat dengan tekun dan penuh tawaduk di hadapan Rasulullah SAW, maka begitu juga para murid melakukan perkara yang sama di hadapan *shaikh murshid* (Nasaruddin Umar 2015).

Atas asas seperti di ataslah makan boleh didapati bahawa golongan sufi merumuskan sebahagian adab murid dalam hubungan dengan *shaykh* sepetimana adab-adab para Sahabat dalam hubungan dengan Rasulullah SAW. Contoh-contohnya adalah seperti di bawah (Sahrawardi 1966; al-Kurdi 1995; Rushdi 1993):

**Pertama:** Murid mestilah menegatifkan atau menghilangkan sama sekali ikhtiar dirinya sendiri semata-mata kerana berasa cukup dengan ikhtiar *shaykhnya*. Maka itu, murid hendaklah jangan menguruskan perihal diri dan hartanya, kecuali setelah merundingi *shaykhnya*. Dan termasuk juga dalam kategori adab ini di mana murid dikehendaki supaya sentiasa diam dan mengunci mulut dengan gaya sopan yang sentiasa bersedia untuk mendengar pandangan *shaykh* mengenai apa-apa pun juga yang baik untuk dirinya. Maka itu, dikatakan bahawa seorang murid yang setia dan benar itu ialah jenis murid yang kalau disuruh oleh *shaykhnya* masuk ke dalam dapur api sekalipun akan dilakukan olehnya.

Menurut pandangan golongan sufi, adab ini dirumus berdasarkan gesaan dan arahan al-Qur'an dalam Surah al-Hujurat (49:1): [Maksudnya] "Wahai orang-orang yang berimana! Janganlah kamu memandai-mandai [melakukan sesuatu perkara] sebelum [mendapat hukum atau kebenaran] Allah SWT dan Rasul-Nya; dan bertakwalah kamu kepada Allah SWT, sesungguhnya Allah SWT Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui". Menurut tafsiran, perkataan "*la tuqddimu*—janganlah kamu memandai-mandai" itu ditafsirkan oleh Ibn 'Abbas sebagai "janganlah kamu bercakap atau memulakan cakap sebelum Rasulullah s.a.w. memulakan cakapnya". Dan al-Kalbi pula mentafsirkan perkataan tersebut sebagai "janganlah kamu mendahului Rasulullah s.a.w. mengungkapkan kata-kata atau melakukan sesuatu perbuatan, sehinggalah Baginda menyuruh kamu bercakap atau melakukan sesuatu perbuatan tersebut". Oleh kerana landasan teori adab dalam isntitusi Tarekat ini didasarkan kepada hubungan di antara Rasulullah s.a.w. dengan para Sahabat, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, maka kehendak dan gesaan ayat 49:1 ini diambil kira oleh golongan sufi.

**Kedua:** Seseorang murid serwajarnya tidak bercakap dengan suara lantang mengatasi suara *shaykh*; tidak juga dibenarkan murid banyak ketawa dan banyak cakap, melainkan apabila diberi peluang oleh *shaykh*. Dalam keadaan diberi peluang itupun, kalangan murid digesa supaya bercakap dengan penuh beradab dan sekadar yang diperlukan sahaja. Adab ini dirumus berdasarkan gesaan al-Qur'an kepada para sahabat menrusi ayat 2 Surah al-Hujurat (49:2): [Maksudnya] "Wahai orang-orang yang berimana! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janaganlah kamu mayaringkan suara [dengan lantang] semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengah yang lain . . . ."

Berdasarkan rumusan adab inilah, Sahl ada menjelaskan: "Janganlah kamu [para murid] bercakap-cakap dengan *shaykh*, kecuali untuk bertanyakan sesuatu yang tidak difahami". Dan Abu Bakr b. Tahir pula menjelaskan: "Jangan sekali-kali kamu [para murid] memulakan percakapan dengan *shaykh* dan jangan juga kamu memberi respons kepada [pertanyaan] *shaykh*, kecuali dengan cara terhormat.

**Ketiga:** Apabila seseorang murid ada keperluan untuk masuk berjumpa dengan *shaykh*, maka janganlah dia tergesa-gesa berbuat demikian sehingga boleh menampakkan seolah-olah murid berkenaan mahu segera mendedahkan masalah yang dihadapinya kepada *shaykh*. Sebaliknya, murid perlulah menunggu dan bersabar sehingga kelihatan bahawa *shaykh* sudah berada dalam keadaan bersedia untuk berjumpa dan bercakap dengan murid. Hal ini perlu dilakukan sedemikain oleh murid, kerana ada kemungkinan *shaykh* sedang berkhalwah dan tidak boleh diganggu, malah sewajarnya murid bersabar menunggu sehinggalah *shaykh* keluar daripada tempat *khalwahnya*. Adab ini dirumus berdasarkan firman Allah (al-Hujurat, 49:5) yang bermaksud: "Dan kalaularah mereka bersabar menunggu sehingga engkau keluar menemui mereka, tentulah cara yang demikian lebih baik bagi mereka".

Contoh-contoh di atas menjelaskan bahawa golongan sufi menjadikan para Sahabat Rasulullah SAW sebagai sandaran mereka dalam merumuskan pelbagai adab interaksi dan hubungan di antara *shaykh* dan para murid.

Di samping adab-adab murid terhadap *shaykh murshid* seperti yang dicontohi daripada adab para Sahabat terhadap Rasulullah SAW, maka demikianlah pula para *shaykh* mesti mencontohi dan mengikuti sifat-sifat Rasulullah SAW dalam proses mendidik para Sahabat. Sebagaimana Rasulullah SAW tidak pernah bercakap berdasarkan hawa nafsu Baginda dalam mengajar dan mendidik para Sahabat, maka para *shaykh* mestilah mengikuti cara Rasulullah SAW sama ada daripada aspek zahir atau batin; para *shaykh* mestilah tidak bercakap berdasarkan hawa nafsu mereka dalam proses pengajaran dan pendidikan. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa adab-adab para *shaykh* dalam hubungan dangan para murid, semampu yang mungkin, mestilah mengikuti sirah Rasuullullah SAW dalam hubungan dan interaksi Baginda dengan para Sahabat (al-Sahrawardi 1966; al-Kurdi 1995).

#### **4.3 Konsep Bay'ah Dalam Tarekat Tasawuf**

Perkataan *al-bay'ah* adalah berasal daripada perkataan *al-bay'* yang bererti jual beli. Hal ini merujuk kepada pengertian bahawa setiap orang mukmin yang menyimpul tali ikatan iman kepada Allah dengan mengucap kalimah syahadah: *La illaha illa Allah*, bermakna dia telah meyimpul tali ikatan janji setia untuk menjual harta dan dirinya kepada Allah SWT yang bersedia membelinya dengan nilai harga yang tidak ternilai. Perkara inilah yang terungkap dalam al-Qur'an (maksudnya): "Sesungguhnya Allah SWT telah membeli daripada kalangan orang mukmin akan harta dan diri mereka dengan syurga yang dijanjikan kepada mereka" (al-Tawbah 9:111). Inilah pengertian *al-bay'ah* dalam bentuk umum, iaitu janji setia daripada kalangan orang mukmin untuk menjual harta dan diri mereka kepada Allah (Sulaiman Yasin t. th.)

Adapun dalam konteks Tarekat Tasawuf istilah *bay'ah* adalah merujuk kepada suatu lambang bermulanya tali ikatan dan hubungan antara seseorang murid dengan *shaykh*; iaitu hubungan yang diikat oleh kebulatan azam dan kebenaran iradah serta keikhlasan niat daripada murid untuk dididik dan dipimpin oleh seseorang *shaykh* dalam perjalanan menuju Allah SWT. Dan dalam konsep *bay'ah* ini terkandung dua unsur utama yang melibatkan murid dan *shaykh*, iaitu unsur *al-iradah* dan *al-irshad* (Sulaiman Yasin t. th.; Nasaruddin Umar 2015).

Sesungguhnya praktis *bay'ah* merupakan sesuatu yang diketahui umum dan amat popular pada zaman Rasulullah SAW, di mana ramai para Sahabat yang membuat janji setia dengan Baginda. Ada yang berjanji setia untuk ikut berhijrah dan berjuang bersama Baginda. Ada yang berjanji setia untuk sama-sama menegakkan Rukun Islam. Ada pula yang berjanji untuk tetap teguh berjuang tanpa undur kebelakang dalam medan perang menentang kaum

kafir. Ada yang berjajni setia untuk tetap berpegang dengan Sunnah, menjauhi bid'ah dan suka melakukan ketaantan kepada Allah (al-Dahlawi 1980).

Ternyata bahawa prktis *bay'ah* merupakan praktis para Sahabat dalam hubungan dengan Rasulullah SAW dalam pelbagai perkara seperti yang dicatatkan di atas. Dan sesungguhnya tidak syak dan ragu lagi bahawa apabila seseuatu amal perbuatan itu telah thabit dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan tujuan ibadah dan Baginda pula sentiasa mengambil berat tentang perkara tersebut, maka sesungguhnya perbuatan itu semestinya menjadi satu perbuatan Sunnah dalam Islam. Namun begitu, apabila golongan sufi mengambil teladan daripada, dan membuat sandaran kepada, apa yang dilakukan oleh Nabi SAW dan para Sahabat Baginda dengan memperaktiskan amalan *bay'ah*, muncul pula golongan yang mempertikaikan amalan golongan sufi tersebut dengan mengatakan bahawa *bay'ah* yang dilakukan oleh Nabi SAW bersama para Sahabat Baginda itu adalah semata-mata untuk membuktikan tentang penerimaan kepimpinan Rasulullah SAW sahaja. Dengan itu mereka mengatakan apa yang sering dilakukan oleh orang-orang Tasawuf dengan melakukan janji setia dengan para guru dan *shaykh* Tasawuf itu tidak ada hubungan langsung dengan agama (al-Dahlawi 1980).

Walau bagaimanapun, al-Dahlawi (1980) menerusi tulisan beliau *Qawl al-Jamil fi bayan sawa' al-Sabil* telah memberikan pencerahan terhadap pandangan yang mempertikaikan amalan golongan sufi tersebut. Al-Dahlawi mengatakan bahawa Nabi Muhammad SAW pernah melakukan *bay'ah* yang kadang-kadang *bay'ah* untuk menegakkan Rukun Islam; ada *bay'ah* untuk tetap berpegang dengan Sunnah. Hal ini diakui dan dibuktikan oleh Hadith saih yang dilaporkan oleh Imam Bukhari, di mana Rasulullah SAW pernah mensyaratkan kepada Jarir ketika beliau melakukan *bay'ah* dengan Baginda menerusi sabda Baginda (maksudnya): “berilah nasihat itu kepada setiap orang Islam”. Selain daripada itu, Rasulullah SAW pernah melakukan *bay'ah* dengan satu kumpulan orang-orang Ansar dan Baginda mensyarat dan menasihatkan mereka bahawa dalam beriman kepada Allah SWT, mereka jangan sekali-kali takut dan gentar kepada celaan para pencela dan mereka hendaklah sentiasa berkata benar di mana pun mereka berada. Rasulullah SAW juga pernah melakukan *bay'ah* dengan sekumpulan wanita-wanita Ansar dan Baginda meminta supaya mereka menjauhkan diri daripada meratap. Dan sebenarnya terdapat berbagai-bagai lagi peristiwa *bay'ah* yang berlaku. Semua *bay'ah* yang disebutkan di atas adalah termasuk dalam bab *tazkiyah* atau pembersihan jiwa ummah dan menyuruh perkara makruf serta mencegah perkara munkar (al-Dahlwi 1980).

Adalah jelas bahawa peristiwa *bay'ah* yang berlaku di antara Nabi SAW dengan para Sahabat tidak hanya tertumpu kepada semata-mata untuk membuktikan penerimaan para Sahabat terhadap kepimpinan Baginda sahaja seperti yang didakwa oleh golongan yang mempertikaikan *bay'ah* golongan yang terlibat dalam institusi tarekat tasawuf. Malahan, sesungguhnya apabila *bay'ah* sebahagiannya melibatkan perihal *tazkiyyah* seperti yang dijelaskan oleh al-Dahlawi, maka ia menjadi begitu sesuai dengan kerjaya golongan sufi yang terlibat secara langsung dalam proses *tazkiyyah al-nafs* kalangan ummah. Dengan itu, tidak timbul sama sekali bahawa *bay'ah* tidak ada kena mengena dengan golongan sufi.

Dengan penjelasan-penjelasan di atas adalah amat jelas bahawa *bay'ah* merupakan satu praktis yang amat baik dalam mengarahkan fokus dan membulatkan tekad golongan murid untuk dipimpin oleh golongan *shaykh* dalam perjalanan menuju ke hadrat Allah SWT. Dengan itu tepat sekali apa yang diungkapkan oleh Shaykh Abd al-Qadir 'Isa (2008) bahawa *bay'ah* menimbulkan kesan yang kuat dan lebih menyerlah dalam *mentazkiyyah* serta mengislah individu dan masyarakat. Dan yang paling utama dalam konteks tulisan ini ialah bahawa golongan sufi dalam praktis mereka melaksanakan *bay'ah* adalah satu praktis yang mereka sandarkan kepada amalan para Sahabat RA. Justeru, di situlah berpaksinya aspek autentisiti amalan golongan sufi.

#### **4.4 Konsep *Suhbah* dalam Tarekat Tasawuf**

Istilah *suhbah* merujuk kepada perdampingan atau persahabatan antara seseorang dengan seseorang yang lain. Ia lebih merupakan perdampingan atau persahabatan spiritual. Ia bukan merujuk kepada teman biasa, dalam pengertian teman diskusi dan seumpamanya, malah ia merupakan persahabatan atau perdampingan sejati yang boleh mengasah ketajaman batin seseorang dalam memahami perihal yang berkait dengan *ma'rifah* dan *mukashafah* (Nasaruddin Umar 2015).

Imam Abu al-Qasim al-Qushayri seperti yang tercatat dalam kitab beliau *al-Risalah al-Qushayriyyah*(1972), menjelaskan bahawa *suhbah* terbahagi kepada tiga jenis. Pertama, *suhbah* dengan orang yang lebih tinggi kedudukannya. Maka ia sebenarnya lebih meruapakan suatu khidmat. Kedua, *suhbah* dengan orang yang lebih rendah. Maka ia memerlukan orang yang lebih tinggi bersifat kasih dan rahmat, sedang yang mengikuti (orang yang lebih rendah) pula bersifat setia dan menghormati. Ketiga, *suhbah* dengan yang sama taraf. Maka ia dibina atas dasar *ithar*, yakni mengutamakan orang lain, dan kebijaksanaan. Pembahagian yang dibuat oleh al-Qushayri ini memberi isyarat bahawa konsep *suhbah* dalam konteks ilmu Tasawuf dan Tarekat mempunyai tujuan yang lebih khusus, bukan sekadar persahabatan atau perdampingan yang bersifat umum atau pada tahap adat kebiasaan sahaja. Jenis *suhbah* yang pertama di atas ialah *suhbah* seorang murid yang ingin mendapat bimbingan, *tarbiyah* dan *tarqiyah* bersama dengan *shaykhnya*. Jenis kedua pula ialah gambaran hubungan antara seorang *shaykh* yang memberi *ta'lim* dan *tarbiyah* kepada anak muridnya. Bentuk yang ketiga pula ialah *suhbah* atau persahabatan yang terjalin antara murid-murid yang berada di bawah bimbingan *ta'lim* dan *tarbiyah* seorang *shaykh* tertentu dalam sesebuah tarekat tertentu.

Catatan di atas menunjukkan bahawa *suhbah* itu, daripada perspektif ilmu Tasawuf dan Tarekat, tidak semestinya berlaku di antara seorang murid dengan *shaykh*, walaupun yang kerap berlaku adalah di antara murid dengan *shaykh*. Tradisi *suhbah* ini telah dimulai oleh Nabi SAW dengan para Sahabat Baginda. Malahan istilah Sahabat itu sendiri mempunyai makna yang terkait secara langsung dengan amalan *suhbah*. Kalangan para Sahabat, dalam tempoh Jahiliah mereka, tidak mencapai kedudukan yang terpuji dan darjah yang tinggi, sehinggalah mereka bersuhbah dengan Nabi SAW serta duduk bersama dengan Baginda. Hal tersebut telah memberi kesan yang amat mendalam dan merubah personaliti, akhlak serta

perjalanan hidup mereka hasil daripada pengajaran, pendidikan dan pergaulan serta perdampingan mereka dengan Rasulullah SAW. Ini ialah kerana sesungguhnya Rasulullah SAW dalam proses *suhbah* tersebut telah mengubati hati mereka dan membersihkan jiwa mereka menerusi contoh teladan yang diberikan serta juga menerusi kata-kata Baginda SAW ('Abd al-Qadir 'Isa 2008).

Oleh kerana risalah yang dibawa oleh Rasulullah SAW adalah risalah yang kekal dan abadi, maka sudah tentu penerusan risalah tersebut perlu dilaksanakan oleh para pewaris yang mewarisi ilmu, akhlak, iman serta taqwa daripada Rasulullah SAW. Para pewaris ini adalah pengganti Baginda dalam memberi hidayah, petunjuk dan juga berdakwah ke jalan Allah. Mereka mengambil cahaya daripada cahaya Baginda untuk menerangi jalan kebenaran serta jalan petunjuk kepada umat manusia.

Para pewaris tersebut, daripada perspektif ilmu Taswuf dan Tarekat ialah para *shaykh murshid* yang membawa *al-barakah* menerusi persambungan *silsilah* yang diambil turun temurun, dari satu generasi ke satu generasi sampai kepada Rasulullah SAW. Dan sebagaimana golongan Sahabat Rasaulullah SAW telah mengambil faedah bersuhbah dengan Baginda, maka demikian juga para murid mengambil teladan dan sandaran kepada amalan para Sahabat, lalu melaksanakan praktis *suhbah* dengan para *shaykh murshid* yang merupakan kalangan para pewaris kepada Rasulullah SAW. Syeikh 'Abd al-Qadir 'Isa (2008) mencatatkan perihal ini dalam tulisan beliau *Haqa'iq 'an al-Tasawwuf* seperti berikut:

Bersuhbah dengan pewaris-pewaris yang *murshid* ini merupakan penawar yang mujarab. Menjauhkan diri daripada mereka adalah racun yang membunuh. Mereka adalah satu kaum yang tidak akan mendukacitakan bagi sesiapa yang duduk bersama mereka. Berkawan dengan mereka merupakan rawatan praktikal yang berkesan bagi memperbetulkan diri, mendidik akhlak, menanam akidah serta mengukuhkan iman. Ini adalah kerana perkara tersebut tidak mampu dicapai hanya dengan membaca buku, mengulangkaji nota-nota, akan tetapi ia merupakan perilaku perasaan. Ia diperoleh dan dicapai melalui peneladanan dan penerimaan hati serta kesan rohani.

Adalah cukup jelas bahawa praktis *suhbah* yang diamalkan oleh golongan sufi untuk mendidik dan mengangkat kerohanian para murid mereka merupakan satu amalan yang disandarkan kepada amalan yang telah diasaskan oleh para Sahabat bersama Rasulullah SAW.

## 5. PENUTUP

Keadaan semasa ummah dalam setiap sektor kehidupan adalah amat mengcewakan, sama ada di peringkat kebangsaan dan lebih-lebih lagi di peringkat antarabangsa. Di peringkat kebangsaan adalah boleh diperhatikan dengan baik mereka sedang terperangkap dalam perpecahan yang menakutkan. Perpecahan yang kalau tidak diurus dan ditangani dengan baik akan akhirnya menggugat survival mereka sebagai satu ummah. Mereka berpecah disebabkan oleh perbezaan, sama ada dalam bidang politik, dan malahan dalam pegangan agama. *Adab al-ikhtilaf* yang diisediakan oleh Islam adalah bagaikan tidak boleh memainkan peranan bagi menyelesaikan perpecahan dan pertikaian mereka.

Di peringkat antarabangsa pula, di mana-mana dalam planet bumi ini, manusia Muslim sedang berhadapan dengan petaka yang dahsyat. Sebut sahaja di mana, di rantau Asia

Tenggara yang didiamim oleh majoriti umat Islam; di ranau Asia Barat tempat lahirnya agama Islam; di benua kecil India; di rantau Balkhan, semuanya berada dalam keadaan yang menyedihkan.

Kalau diperhatikan penyebab utama kepada petaka yang sedang dialami ummah sekarang adalah tertumpu kepada keadaan mereka yang sedang kehilangan jati diri dalam berhadapan dengan tamadun materialisme yang diperagakan menerusi enjin globalisasi yang sarat dengan nilai-nilai pascamodenisme. Justeru, apa yang boleh ditawarkan oleh Islam bagi mengembalikan kekuatan ummah? Tentunya kekuatan kerohanian yang diperlukan sebagaimana yang telah dibuktikan oleh sejarah kegemilangan tamadun Islam. Kekuatan kerohanian yang diserikan oleh kekuatan akidah, keunggulan nilai-nilai akhlak dan ketepatan amalan-amalan syariah.

Justeru, di sinilah peranan yang perlu dimainkan oleh ilmu Tasawuf dan institusi Tarekat, dengan pra syarat ketat bahawa ia tidak menyeleweng dan boleh diterima dengan baik oleh seluruh ahli masyarakat Islam.

## RUJUKAN

- Bruinessen, Martin van. 1992. *Tarekat Naqshabandiyah di Indonesia*. Bandung: Penerbit Mizan.
- al-Dahlawi, Shah Wali Allah. 1980. *Penawar Hati*. Terj. Abdul Aziz Ahmad bin Muhammad. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- al-Ghazali, Abu Hamid. 2008. *Rasa 'il al-Ghazali*. Terj. Kamran A Irsyadi. 2 Jil. Jakarta: Penerbit Diadit Media.
- 'Isa, Syeikh 'Abd al-Qadir. 2008. *Haqa'iq Tasawuf*. Terj. Mustafa Hussain at-Taib. 2 Jil. T. tpt.: T. pt.
- Jahid Sidek. 1997. *Sheikh Dalam Ilmu Tarekat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Jurjani, 'Ali b. Muhammad. 1938. *al-Ta'rifat*. Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Kurdi, Sheikh Muhammad Amin. 1995. *Tawir al-Qulub fi Mu'amalah 'Allam al-Ghuyub*. Ed. Muhammad Riyad. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mahmud, 'Abd al-Halim. 1972. *Abhath fi al-Tasawwuf wa Dirasat 'an al-Imam al-Ghazali*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- M. Abdul Mujieb et al. 2009. *Ensiklopedia Tasawuf Imam al-Ghazali*. Jakarta: Penerbit Hikmah.
- Mohd Sulaiman Yassin. t. th. *Tarekat Tasawuf: Satu Pengenalan dan Permasalahannya dengan satu tinjauan ringkas di Johor*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Nasaruddin Umar. 2015. *Tasawuf Modern: Jalan mengenal dan mendekatkan diri kepada Allah SWT*. Jakarta: Republika Penerbit.

- Nordi Achie. 2012. *Fitnah Sufi: Fatamorgana Tasawuf Fenomena Tarekat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nurcholisah Majid. 1995. *Islam agama Peradaban: Membangun Makna dan relevensi doktrin Islam dalam sejarah*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- al-Qushayri, Abu al-Qasim. 1972. Al-Risalah al-Qushayriyyah. Ed. ‘Abd al-Halim Mahmud dan Mahmud b. al-Sharif. 2 Jil. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- Rusdi, Yasin. 1993. *al-Tasawwuf ma lahu wa ma ‘alayhi*. Misr: Nahdah Misr li al-Tiba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’.
- al-Sahrawardi, ‘Abd al-Qahir ‘Abd Allah. 1966. *Kitab ‘Awarif al-Ma’arif*. Bayrut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Al-Sarraj, Abu Nasr al-Tusi. 2007. *Al-Luma’ fi Tarikh al-Tasawwuf al-Islami*. Ed. Kamal Mustafa al-Hunrawi. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Sha’rani, ‘Abd al-Wahhab. 1988. *Al-Anwar al-Qudsiiyah fi Ma’rifah Qawa’id al-Sufiyyah*. Ed. Taha ‘Abd al-Baqi Surur dan al-Sassid Muhammad ‘id al-Shafi’i. 2 Jil. Bayrut: Maktabah al-Ma’arif.
- al-Taftazani, Abu al-Wafa’ al-Ghanimi. 1969. “al-Tariqah al-Akbariyyah”. Dlm. *Al-Kitab al-Tidhkari Muhyi al-Din b. ‘Arabi*. Ed. Ibrahim Madkur. Al-Qahirah: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Trimingham, J. S. 1973. The Sufi Orders in Islam. New York: Oxford University Press.
- Zakaria Stapa. 2012. *Pendekatan Tasawuf dan Tarekat: Wadah Pemerksaan Jati diri Ummah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1995. *Akhhlak dan Tasawuf Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. 1989. “Tasawuf dan Tarekat: Satu Pendekatan Pengenalan. *Pengasuh*. Bil 500 (September Oktober 1989): 53-6